



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR

Aras G-7, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwpkb.gov.my](http://www.kwpkb.gov.my)

# SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

## MINI PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) YANG PERTAMA DI MALAYSIA

**KUALA LUMPUR, 16 Mac 2013** – YB. Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar melancarkan Mini Pusat Transformasi Bandar (UTC) Sentul, Kuala Lumpur di sini hari ini.

2. Mini UTC Sentul telah mula beroperasi dan dibuka kepada orang awam sejak 4 Mac 2013. Tujuan penubuhan UTC adalah untuk membolehkan komuniti bandar membuat pelbagai urusan dengan jabatan kerajaan dan swasta hanya di dalam satu bangunan sekaligus dapat menjimatkan masa dan mudah tanpa perlu pergi ke bangunan-bangunan Kerajaan yang lain.

3. Penubuhan Mini UTC Sentul yang terletak di Kompleks Perniagaan dan Komuniti, Bandar Baru Sentul ini merupakan Mini UTC yang pertama ditubuhkan di negara ini selepas mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai dengan penubuhan UTC Kuala Lumpur di Pudu Sentral. Kompleks Perniagaan dan Komuniti, Bandar Baru Sentul yang merupakan bangunan milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini dipilih sebagai lokasi Mini UTC yang pertama di Malaysia dengan melihat kepada keadaan persekitaran yang mempunyai kapasiti kepadatan penduduk yang tinggi meliputi kawasan kediaman, pusat perniagaan, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta.

4. Kemudahan-kemudahan sedia ada yang terdapat di Kompleks Perniagaan dan Komuniti, Bandar Baru Sentul ini yang membolehkan lokasi tersebut dipilih sebagai Mini UTC yang pertama di Malaysia. Antara kemudahan utama yang terdapat adalah seperti kemudahan tempat letak kereta, gerai makanan dan minuman, pasar basah/kering, kemudahan surau, klinik, perpustakaan, gelanggang futsal dan bilik latihan taekwando yang boleh digunakan oleh orang ramai pada bila-bila masa sahaja.

5. Tingkat satu dan tingkat 3 di Kompleks Perniagaan dan Komuniti, Bandar Baru Sentul ini diubahsuai bagi menempatkan kemudahan-kemudahan tambahan yang lain yang beroperasi di bawah Mini UTC Sentul. Ini menjadikan Kompleks Perniagaan dan Komuniti, Bandar Baru Sentul ini lebih *vibrant* dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan serta swasta seperti:

- i. Jabatan Imigresen Malaysia
- ii. Polis Diraja Malaysia
- iii. Klinik Pergigian
- iv. Jabatan Pendaftaran Negara
- v. Jabatan Pengangkutan Jalan
- vi. Mini Pos Malaysia
- vii. Kiosk Usahawan FAMA
- viii. Kiosk ATM

6. Penubuhan Mini UTC di kawasan penempatan warga Kuala Lumpur ini diharap dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga kota untuk berurusan dengan lebih efisien, cepat, selesa dan mudah dalam usaha kerajaan untuk merealisasikan konsep 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

**Disediakan oleh:**

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar  
16 Mac 2013  
Kuala Lumpur